

21 FEBRUARI 2018

Inspektor ditahan positif dadah

SINAR HARIAN • RABU 21 FEBRUARI 2018

39

SETEMPAT

Inspektor ditahan positif dadah

Pegawai di IPD Segamat gagal dalam ujian air kencing yang dijalankan

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

Seorang pegawai polis berpangkat inspektor ditahan kerana didapati positif dadah menerusi ujian air kencing, semalam.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, pegawai kanan berusia 30-an itu bertugas di Bahagian Ketenteraman Awam dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat.

"Semalam kita dapati ada seorang pegawai penyiasat

kita dari IPD Segamat positif dadah jenis methamphetamine menerusi ujian air kencing yang dijalankan.

"Di Johor, saya tidak akan berkompromi dengan pegawai dan anggota yang terlibat dengan dadah dan jenayah. Malah, pada mula saya ambil alih dahulu, saya buat pembersihan. Kalau itu pilihan mereka (pegawai dan anggota melakukan kesalahan), kita tidak akan terima mereka dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Himpunan Bulan Februari 2018 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini, semalam.

Mohd Khalil berkata, pegawai berkenaan akan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

"Kes pegawai terbabit di-



Mohd Khalil (tengah) ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang penerima.

buat laporan polis dan dia akan menjalani apa sahaja peraturan dan undang-undang berkaitan," katanya.

Dalam pada itu, indeks jenayah bagi bulan lepas di Johor keseluruhannya men-

catatkan penurunan 6.2 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Mohd Khalil berkata, dalam kes narkotik, 1,497 orang ditangkap atas pelbagai kesalahan dadah di Johor.

"Sebanyak 49.68 kg membabitkan nilai RM3.46 juta dan sitaan harta sebanyak RM1.96 juta berjaya dirampas.

"Dalam kes jenayah komersil, Kontinjen Johor me-

info • Berusia 30-an
• Positif dadah jenis methamphetamine

nunjukkan penurunan sebanyak 6.9 peratus bagi tempoh Januari 2018 berbanding tempoh sama tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Op Selamat sempena perayaan Tahun Baharu Cina turut dijalankan pada 9 hingga 23 Februari ini.

"Jumlah kemalangan dicatatkan sehingga 19 Februari lepas adalah sebanyak 2,186 kes iaitu menurun sebanyak 1.84 peratus berbanding tahun lepas.

"Bagi kes kemalangan maut, penurunan sebanyak satu kes berbanding tempoh sama pada kajian tahun lepas," katanya.